

27/08/1998

Filem perlu angkat martabat negara

MINGGU lalu, beberapa pemimpin kerajaan menyentuh fasal filem. Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dalam ucapannya ketika melawat Kelantan menyentuh filem Rambo yang disifatkan satu pembohongan Hollywood untuk cuba mengangkat maruah bangsa mereka, kononnya Amerika Syarikat yang menang dalam perang dengan Vietnam pada awal tahun 70-an.

Menteri Luar, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, pula mengulas filem Return To Paradise yang memberi gambaran buruk terhadap sistem perundangan dan penjara di negara ini.

Sementara itu, Menteri Penerangan, Datuk Seri Mohamed Rahmat menggesa karyawan kita menghasilkan produk yang mampu membawa filem tempatan untuk eksport, selain mendapat keuntungan ia penting bagi menaikkan nama dan imej negara.

Tiga kenyataan itu berbeza tetapi jika diteliti, ada mesej dan maksud penting yang harus dihayati karyawan kita. Karyawan tempatan harus mempunyai daya intelektual dan kepekaan untuk berkarya, biar menampakkan filem nasional juga mampu menjulang maruah dan kedaulatan negara.

Tapi, perkara itu bukannya mudah sebab ramai karyawan kita belum mempunyai tahap pemikiran dan pediaan ilmu yang baik, apatah lagi modal, teknologi dan kerendah birokrasi sering menggugat kreativiti mereka.

Namun, kita masih belum terlambat. Perancangan, pembangunan dan penyelidikan mengenai hala tuju perfileman tempatan masih terbuka luas sekiranya ada kesedaran tinggi untuk menghasilkan karya yang boleh mengangkat maruah dan nama negara di mata dunia.

Dasar, penguatkuasaan, pemahaman dan tanggungjawab semua pihak berkaitan filem termasuk kerajaan perlu digandingkan bersama bagi tujuan ini, selain keutamaan melengkapkan ilmu dan pasukan produksi yang terbaik. Bidang perfileman juga harus memanfaatkan Koridor Raya Multimedia (MSC).

Perkembangan Teknologi Maklumat (IT) yang semakin meluas, mendesak seni filem lebih kerap digunakan sebagai bahan propaganda, ideologi, dakwah, penebus maruah, kepentingan ekonomi, agama, kuasa, pembentuk sosial dan hasutan secara psikologi.

Pak Malau dapat tahu karyawan Vietnam dengan sokongan kerajaannya kini sedang merancang menghasilkan filem yang membongkar kejayaan negara itu dalam peperangan dengan Amerika dulu. Ini perkembangan paling menarik yang wajar dicontohi negara lain dalam Asean.

Sebenarnya, banyak negara Eropah, Hollywood, China dan India sudah lama memanipulasi seni filem untuk kepentingan maruah bangsa mereka. Kita tidak perlu tengok filem dulu, cukup sekadar melihat filem baru seperti Titanic, Paradise Road, Mulan, Lethal Weapon 4, Kundun dan Evita.

Pak Malau akui kebanyakan masyarakat kita masih berasakan filem sekadar alat hiburan semata-mata, sebab itu orang kita apabila selepas menonton, mereka lebih suka bercakap fasal aktor dan aktres ternama dan ceritanya. Kita sangat jarang menghayati moral, mesej, falsafah dan maksud tersirat sesebuah filem, apatah lagi untuk memahami makna dan tanda imej visual yang dipaparkan.

Penonton kita harus mempunyai tahap celik filem yang baik, tahu untuk mengutip pengetahuan ketika menonton dan bijak membezakan yang baik atau buruk.

Kepada karyawan kita, marilah sama-sama mengangkat maruah dan imej negara menerusi filem tempatan. Buatlah filem secara teliti dalam semua aspek. Pediaan diri dan ilmu amat penting sebelum berkarya.

Pak Malau juga teringat kata-kata Menteri Luar kita bila diminta memberi jawapan terhadap isu Return To Paradise. Katanya: "Cara terbaik mengatasi tohmahan itu ialah rakyat sendiri menghasilkan karya mengenai kebaikan negara. Penulis kita perlu lebih aktif menyuarakan pandangan melalui karya mereka."

Pak Malau teringin menonton filem epik Malaysia (kalau boleh) yang berkisar pejuang negara seperti Tok Janggut, Datuk Bahaman, Mat Kilau, Tok Gajah, Mat Salleh, Rosli Dhobi, Ahmad Boestamam, Ibrahim Yaakob, Leftenan Adnan dan banyak lagi tokoh bangsa yang dulunya penjajah menggelarkan mereka sebagai penderhaka. Jadikan filem kita, wajah kita.

(END)